

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD  
[SETIAWANGSA]**

**TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD [ SETIAWANGSA ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berkenaan rancangan jangka masa panjang bagi kelestarian kewangan PTPTN.

**JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Pengajian Tinggi melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ada menyediakan perkhidmatan menguruskan pinjaman untuk tujuan pendidikan tinggi. Pada masa ini, model pembiayaan pinjaman yang diguna pakai oleh PTPTN amat bergantung kepada prestasi bayaran balik pinjaman sebagai sumber utama dana untuk membiayai pinjaman sedia ada dan baharu. Dalam hubungan ini, PTPTN dari semasa ke semasa merangka beberapa strategi bagi memastikan kelestarian dana pembiayaan PTPTN. Antaranya adalah:

- (i) Memperhebat strategi meningkatkan bayaran balik pinjaman dengan mempelbagaikan saluran strategik dan inovatif.** Bagi maksud ini, pelbagai platform pembayaran disediakan bagi memudahkan peminjam membuat pembayaran balik. Ini termasuklah

melalui kaunter, potongan gaji bulanan, perbankan internet dan secara dalam talian;

- (ii) Memberikan insentif diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN.** Dalam Belanjawan 2022 pada 29 Oktober 2021, Kerajaan telah mengumumkan pemberian insentif diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN sebanyak **10 hingga 15 peratus** bermula pada 1 November 2021 hingga 30 April 2022 kepada peminjam yang layak;
- (iii) Melaksanakan perkongsian data dalam kalangan agensi** bagi memperhebat kutipan bayaran balik dalam kalangan mereka yang berada di sektor swasta dan bekerja sendiri. Bagi maksud ini, kerjasama telah dilaksanakan dengan beberapa buah agensi seperti Jabatan Akauntan Negara (JAN), Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT), Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan majikan swasta untuk membolehkan para peminjam membuat pembayaran balik melalui potongan gaji;
- (iv) Menjalin kerjasama strategik dengan kerajaan negeri dalam menjayakan kempen bayaran balik pinjaman.** Terkini, ialah Insentif Bayaran Balik Pinjaman PTPTN Anak Sarawak oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Melalui Yayasan Sarawak, peminjam anak Sarawak yang telah membuat bayaran sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah keseluruhan pinjaman diberikan pengurangan 30 peratus lagi ke atas pinjaman mereka yang masih berbaki; dan
- (v) Mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman pendidikan menerusi galakan simpanan pendidikan melalui akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).**

Sekian, terima kasih.